

# Melaka negeri terawal laksana sistem e-Tanah secara PFI

Norafiqah Jamal

**PUTRAJAYA** - Melaka antara negeri terawal yang melaksanakan sistem e-Tanah secara Kerjasama Awam Swasta (PFI) dengan jumlah peruntukan RM126.19 juta bagi tempoh 14 tahun.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh berkata, sejak tahun 2014, pentadbiran tanah Negeri Melaka telah pun menggunakan pakai Sistem e-Tanah dalam urusan seharian.

Katanya, Melaka merupakan pentadbiran tanah pertama dalam Malaysia yang telah diwartakan di bawah Jadual 16 Kanun Tanah Negara iaitu pelaksanaan sistem pentadbiran tanah secara elektronik.

"Sepanjang tempoh 10 tahun ini, Kerajaan Negeri Melaka komited memperuntukkan kos penyelenggaraan tahunan bagi memastikan sistem ini dapat beroperasi dengan berkesan dan efisien.

"Saya yakin dengan adanya satu sistem e-tanah yang lebih stabil dan terkini, ia akan membuahkan hasil dan impak yang konsisten kepada Negeri Melaka secara

keseluruhannya, sekali gus mampu meningkatkan lagi unjuran hasil bagi persewaan bajet pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap selepas Majlis Menandatangani Perjanjian Konsesi Sistem e-Tanah Secara Kerjasama Awam Swasta Bagi Negeri Melaka di Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, di sini, 6 November lalu.

Hadir sama, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad; Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Azhar Arshad; Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Datuk Dr K.Ching Too; Pengerusi Eksekutif Puncak Tegap Sdn Bhd, Syed Azmin Syed Nor dan kenamaan lain.

Menurut Ketua Menteri, sebuah pasukan 'Core Business Group' juga akan ditubuhkan yang dibarisi pengguna-pengguna e-Tanah yang berpengalaman.

Menurut beliau, pasukan tersebut ditubuhkan selepas mendapat keputusan sebulat suara daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri



**AB Rauf dan Nik Nazmi menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Konsesi Sistem e-Tanah Secara Kerjasama Awam Swasta Bagi Negeri Melaka di Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Putrajaya. Foto Iqmal Haqim Rosman**

(MMKN), baru-baru ini, di mana ia akan diketuai Pengarah Tanah dan Galian Negeri Melaka sendiri, Datuk Noraini Tawel dengan sokongan semua warga kerja pentadbiran tanah negeri Melaka.

"Pada masa yang sama,

bagi memastikan proses pembangunan selama dua tahun tersebut tidak terganggu, Kerajaan Negeri telah bersetuju bahawa mereka yang dilantik sebagai ahli Core Business Group ini tidak akan ditempatkan ke-

luar daripada pentadbiran tanah sekurang-kurangnya sehingga proses pembangunan ini selesai.

"Usaha ini merupakan komitmen yang besar oleh Kerajaan Negeri ke arah menjayakan Inisiatif e-

Tanah secara Kerjasama Awam Swasta.

"Saya berharap sistem ini berjalan dengan lancar supaya akhirnya nanti dapat memberi manfaat kepada kerajaan mahupun rakyat," katanya.